

Chiau Meng — akan rasmikan **Pesta Silat**

10 AUG 1976

bencaksilat.

MENTERI Sains dan Teknologi, Dr. Lee Chiau Meng akan merasmikan projek sulung Persekutuan Seni Silat Singapura — Pesta Silat — pada 18 Ogos ini, di Panggung Negara.

Pesta tersebut yang akan disertai oleh tujuh buah badan kerabat persekutuan itu juga merupakan usaha yang pertama dijalankan dalam memperkenalkan seni silat secara besar-besaran di sini.

Menteri Negara (Pejabat Perdana Menteri), Haji Ya'acob Mohamed, presiden persekutuan itu menerangkan semalam:

"Ada tiga tujuan utama mengapa pesta tersebut diadakan.

"Tujuan utama ialah sebagai satu acara sempena perasmian penubuhan Persetuan Seni Silat Singapura, yang akan dijalankan pada malam tersebut.

"Kedua, ia bertujuan untuk memperkenalkan silat sebagai sebahagian daripada sukan dan yang ketiga sebagai satu projek persekutuan sempena Hari Kebangsaan."

Perisai

Ketujuh buah kerabat persekutuan itu yang akan menjayakan pesta tersebut terdiri dari Persetuan Bawean Singapura, Perwanit, Pasak, Pertapis, Badan Kesenian Melayu, Persensi dan Himpunan Queenstown.

Inilah kali pertama Persensi dikatakan menyertai satu pertunjukan seni silat yang terbuka untuk disaksikan oleh orang ramai.

10 AUG 1976
Pesta Silat ini juga akan merupakan sebahagian daripada acara dalam Pesta Sukan Singapura yang diadakan dalam jangka masa tersebut.

Haji Ya'acob menyerangkan bahawa sungguhpun ia diadakan bukan atas dasar peraduan, namun sebuah perisai pusang yang dihadiahkan oleh beliau sendiri akan disediakan untuk pasukan terbaik.

Hadiyah-hadiyah penyertaan yang lain akan dikeluarkan oleh Majlis Sukan Singapura.

Di antara perkara yang akan diambilberat dalam menentukan pasukan terbaik dan berikutnya, dia tambah, ialah dari segi persembahan pembukaan dan pakaian pasukan berkenaan.

Untuk menandakan perasmian persekutuan itu, satu upacara beristiadat akan diadakan di malam

tersebut di mana Dr. Lee Chiau Meng akan menyerahkan panji-panji persekutuan kepada Haji Ya'acob.

Para penonton malam itu juga akan berpeluang menyaksikan beberapa persembahan selingan termasuk permainan hadrah dan kompong oleh Persetuan Jekhannur, persembahan dari Persekutuan Seni Mempertahankan Diri Singapura dan persembahan tarian Randai oleh Sriwana.

Tiket-tiket untuk pesta itu kini sedang dijual dari kerabat-kerabat persekutuan dan Panggung Negara. Harga-harga tiket ialah \$3, \$2 dan \$1.

Menurut Haji Ya'acob, kira-kira 80 peratus tiket untuk malam tersebut habis dijual.

Tiket2 Pesta Silat

15 AUG 1976

Berita Minggu

hampir habis

TIKET-TIKET untuk menyaksikan Pesta Silat anjuran Persekutuan Seni Silat Singapura pada 18 Ogos di Panggung Negara, masih boleh dibeli dari tujuh buah badan kerabat dan di panggung itu.

Pesta tersebut — projek ulung Persatuan itu akan disertai oleh Perwanit, Pasak, Persensi, Pertapis, Persetuan Bawean Singapura Himpunan Queenstown dan Badan Kesenian Melayu.

Adalah difahamkan tiket-tiket \$2 dan \$3 sudah hampir habis dijual manakala para peminat yang ingin menyaksikan pesta itu masih boleh membeli tiket-tiket \$1.

Pesta itu akan dirasmikan oleh Menteri Sains dan Teknologi, Dr. Lee Chiau Meng kira-kira 7.30 malam.

Di samping acara silat kuningan, gayung dua buah persatuan silat di sini akan mempersembahkan pertunjukan khas silat 'kebatinan'.

8 wanita antara 42 peserta Pesta 17 AUG 1976 Silat

LAPAN orang wanita adalah antara 42 orang peserta yang akan menyertai Pesta Silat anjuran Persekutuan Silat Singapura (PERSISI) di Panggung Negara pada 7.30 malam esok.

Kesemua 42 orang peserta itu adalah anggota dari tujuh buah badan setempat.

Badan-badan tersebut terdiri dari Perwanit, Pasak, Pertapis, Himpunan Queenstown, Badan Kesenian Melayu, Persetuan Bawean Singapura dan Persensi.

Mereka akan mempersembahkan tujuh jenis silat iaitu Silat Seni Gayung, Kuntau Melaka, Silat Harimau, Macan Pasra, Silat Kuningan, Seligi Tunggal dan Silat Kebatinan.

Gamelan

Pesta Silat ini akan dirasmikan oleh Menteri Sains dan Teknologi, Dr. Lee Chiau Meng yang juga akan menyampaikan hadiah-hadiah kepada para peserta yang mempersembahkan silat terbaik dan lain-lain hadiah.

Awal dari itu, Menteri itu akan menyerahkan panji-panji kepada Menteri Negara di Pejabat Perdana Menteri yang juga presiden PERSISI, Haji Ya'acob Mohamed, sebagai menandakan perasmian persekutuan itu.

Antara hadiah yang disediakan ialah sebuah plak pusingan Haji Ya'acob Mohamed, hadiah untuk persembahan silat terbaik, hadiah untuk pakaian yang terbaik dan sebuah khas yang dikeluarkan oleh PERSISI untuk peserta wanita terbaik.

Sebahagian dari hadiah diberikan oleh Majlis Sukan Singapura.

Sebagai menyterikan lagi acara dalam pesta itu, Perkumpulan Sriwana akan mempersembahkan sebuah tarian 'Randai'; Persatuan Pugilistik Kebangsaan Singapura akan mempersembahkan silat kuntau. Persembahan hadrah dan kompong serta beberapa acara lain akan diadakan juga.

Mengiringi pesta itu dari awal hingga akhir ialah kumpulan gamelan Persatuan Bawean Singapura.